

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING (KULAI)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengangkat Reservasi Perkara 9.2 dalam CEDAW dan 7 dalam CRC berkaitan dengan kewarganegaraan kanak-kanak yang dilahirkan kepada salah satu ibu bapa warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berhubung dengan status reservasi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kerajaan bersetuju agar reservasi tersebut dikekalkan. Keputusan ini diambil selaras dengan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan dasar sedia ada Kerajaan berkaitan taraf kewarganegaraan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua lelaki dan wanita warganegara Malaysia mempunyai hak dalam memperoleh kewarganegaraan Malaysia bagi anak mereka yang lahir di luar negara di bawah Perkara 14 dan Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan tertakluk kepada pematuhan syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa.